

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 3 (5)

Tarikh : 26 Disember 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 9/2019

PENAMBAHBAIKAN BORANG DAN PROSES PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA (MQA-01 2017) DAN AKREDITASI PENUH (MQA-02 2017)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang pihak tuan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menguatkuasakan penggunaan borang permohonan Akreditasi Sementara (MQA-01 2017) dan Akreditasi Penuh (MQA-02 2017) berdasarkan Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA) Edisi Kedua melalui Pekeliling MQA Bil. 5/2017 bertarikh 23 November 2017.

3. Bagi memastikan proses penyediaan dan permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh menjadi lebih efisien dan sistematik, MQA telah menambah baik borang MQA-01 dan MQA-02 serta proses penghantaran permohonan akreditasi seperti berikut:

- i. PPT perlu **mengasingkan** *Part A: General Information on the Higher Education Provider* daripada *Part B: Programme Description* dan *Part C: Programme Standards* dalam borang MQA-01 dan MQA-02;
- ii. PPT perlu **memuat naik** *Part A* dalam portal e-Semakan Program (eSP) bagi permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh buat **kali pertama untuk tahun semasa**;
- iii. Bagi permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh yang berikutnya, PPT perlu **mengesahkan kekinian maklumat** *Part A* sedia ada dan **memuat naik semula** *Part A* sekiranya terdapat pindaan; dan
- iv. PPT perlu mengemukakan dokumen MQA-01 dan MQA-02 yang mengandungi *Part B* dan *Part C* sahaja serta dokumen sokongan ke Kaunter Pendaftaran MQA.

4. Tempoh sah laku maklumat *Part A* adalah 1 tahun daripada tarikh muat naik. PPT perlu memuat naik semula *Part A* setelah tempoh 1 tahun tamat. *Part A* yang dimuat naik tersebut akan diguna pakai bagi semua permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh PPT dalam tempoh sah laku tersebut atau *Part A* yang terkini mengikut pindaan oleh PPT.

5. Pihak MQA berharap agar semua PPT dapat melaksanakan tindakan berdasarkan keperluan seperti di Perkara 3 bagi melancarkan proses permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh.


6. Pelaksanaan ini akan berkuat kuasa mulai **02 Januari 2020**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

bp



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR

9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
43400 SERDANG, SELANGOR

10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR